

**Chegubard tolak semua lantikan parti PKR**  
**Malaysiakini.com**  
**Disember 9, 2010**

Bekas ahli majlis tertinggi, PKR, Badrul Hisham Shaharin akan menolak semua lantikan parti itu selagi bantahannya berhubung pemilihan PKR yang berlangsung bulan lalu tidak diberi penjelasan bertulis.

pkh headquarters nominations chegubard badrul hisham sharin Badrul Hisham yang lebih dikenali sebagai Chegubard juga berkata beliau juga akur tetapi tidak akan mengiktiraf keputusan pemilihan itu.

"Saya dengan ini menyatakan akur apa yang berlaku tetapi sama sekali tidak mengiktiraf keputusan pemilihan PKR 2010. Saya masih juga menantikan penjelasan bertulis dalam perkara yang saya bangkitkan.

"Saya tidak kecewa kerana saya tewas, kalau kecewa pun adalah kerana saya tidak dapat melaksanakan pembaharuan dalam AMK yang saya dan teman-teman amat yakin mampu menyerlahkan politik reformasi yang kita laungkan selama ini yang telah digariskan dengan jelas dalam Manifestasi Anak Muda Malaysia," kaatnya dalam satu kenyataan.

azlan Pada pemilihan PKR bulan lalu untuk jawatan ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK), Badrul Hisham gagal menubuhkan penyandangannya, Shamsul Iskandar Mohd Akin, walaupun dikatakan mempunyai sokongan yang meluas.

Menurut beliau, yang dibangkitkan ialah soal ketelusan bukan siapa kalah atau menang.

"Melaksanakan agenda 1 anggota 1 undi adalah satu penciptaan sejarah yang berani. Amat memahami ini proses baru dan banyak kelemahan, tetapi tidak sama sekali berkompromi apabila alasan baru itu sebagai alasan untuk melakukan ketidak telusan dan 'menyapu di bawah pemaidani," katanya.

pjs pkr polling 141110 registration Beliau berkata, pertikaian muncul dari proses penamaan pemilihan cabang, pencalonan jawatan pusat dalam mesyuarat cabang, proses pengundian pusat sehinggalah pemilihan pengerusi tetap dengan cara angkat tangan.

"Semua yang hadir termasuk pemerhati dan media menyaksikan bagaimana undi angkat tangan memilih pengerusi tetap dalam Kongres AMK Pusat pun kiraannya ditipu.

"Sehubungan dengan itu saya juga menolak semua jawatan lantikan yang bakal ditawarkan selagi tidak mendapat penjelasan bertulis mengenai apa yang saya bangkitkan dalam bantahan.

subang pkr polling 141110 lining up "Ini bukan soal jawatan tapi soal ketelusan. Jika saya menerima lantikan dalam keadaan aduan saya juga gagal diperjelas secara bertulis ini akan membawa erti saya berkompromi dengan sesuatu yang saya pertikaikan sendiri," katanya.

Menurut Badrul Hisham, jawatan bukan alasan untuk bekerja dan menegaskan walaupun tidak diberikan jawatan peringkat pusat, beliau akan terus setia dalam memperkasakan PKR.

"Saya masih yakin PKR merupakan parti terbaik dalam melaksanakan reformasi dalam negara. Namun PKR juga seharusnya sedia dalam menjamin demokrasi yang telus dalam parti," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150325>